

BERITA HARIAN, RABU, 19 JULAI, 1978

Pertemuan Mahathir dengan penduduk Kubang Pasu Jumaat ini

JITRA, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan penduduk di beberapa buah mukim di daerah Kubang Pasu, bila beliau pulang selama dua hari mulai Jumaat ini.

Seorang jurucakap Barisan Nasional di sini memberitahu hari ini, pada petang Jumaat, beliau akan menemui penduduk di Rancangan Feida Batu Lapan, Jalan Kodiang/Changlon dan sebelah malamnya menghadiri mesyuarat jawatankuasa pilihanraya Parlimen kawasan Kubang Pasu di Sekolah Kebangsaan Jitra di sini.

Hari Sabtu pula, beliau akan menemui penduduk di Kampung Putat dan Meribut sebelah pagi, sebelah petang pula pertemuan dengan penduduk mukim Binjal dan mu'rim Malau.

Kira-kira 1,000 orang penduduk akan menghadiri di setiap pertemuan yang pertama kali selepas beliau dipilih semula sebagai ahli Parlimen kawasan Kubang Pasu.